



**INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN
TRENDS IN SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)**

www.ijmtss.com



PERSEPSI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI GERIK TERHADAP FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA

*GERIK COMMUNITY COLLEGE STUDENTS' PERCEPTIONS TOWARDS
CAREER CHOICE*

Norlizawati Hashim^{1*}, Norhafinas Abd Latib²

¹ Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Gerik, Malaysia
Email: norlizawati@kkgri.edu.my

² Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Gerik, Malaysia
Email: norhafinas@kkgri.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.07.2021

Revised date: 25.08.2021

Accepted date: 13.09.2021

Published date: 15.09.2021

To cite this document:

Hashim, N., & Abd Latib, N. (2021). Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Gerik Terhadap Faktor Pemilihan Kerjaya. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (17), 127-137.

DOI: 10.35631/IJMTSS.417011

This work is licensed under CC BY 4.0



Abstrak:

Kerjaya merujuk kepada istilah profesion dan perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan. Pemilihan kerjaya yang tepat amat penting untuk memastikan ia bersesuaian dengan kelulusan dan kemahiran yang dimiliki serta minat dan keperibadian seseorang dalam menentukan kejayaan hidup. Justeru itu, satu kajian berkaitan faktor pemilihan kerjaya telah dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar Kolej Komuniti Gerik terhadap faktor-faktor pemilihan kerjaya. Antara faktor yang dikaji ialah faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor gaji. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 68 pelajar Kolej Komuniti Gerik sesi Julai 2019 telah menjadi responden bagi kajian ini. Kajian menggunakan teknik persampelan rawak mudah untuk membuat pemilihan responden. Data kajian yang diperolehi menerusi borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan skor min dan T-Test. Hasil analisis kajian mendapat bahawa kesemua faktor memperolehi skor min yang tinggi namun faktor keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya iaitu skor min 4.39. Analisis statistik mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor-faktor yang dikaji. Sesungguhnya jantina pelajar tidak memainkan peranan dalam menentukan faktor pemilihan kerjaya bagi kajian ini.

Kata Kunci:

Faktor Pemilihan Kerjaya, Minat, Keluarga, Rakan Sebaya, Gaji

Abstract:

Career refers to the term profession and a person's journey or progress in a field. Choosing the right career is very important to ensure that it is in line with the qualifications and skills possessed as well as one's interests and personality in determining the success of life. Therefore, this study was conducted to examine career choice factors. The purpose of this study was to identify the perceptions of Gerik Community College students on career choice factors. There are three factors in this study which are family factors, peer factors, and salary factors. This study is a descriptive quantitative study that uses a questionnaire as a research instrument. There were 68 students of Gerik Community College in the July 2019 session who were respondents for this study. The study used a simple random sampling technique to make a selection of respondents. The research data obtained through the questionnaire was analyzed using score mean and T-Test. The results of the study found that all factors obtained a high mean score but family factors are the main factors influencing students in a career choice that is a mean score of 4.39. Statistical analysis found no significant differences between gender with the factors studied. Indeed, student gender did not play a role in determining the career choice factors for this study.

Keywords:

Factor of Career Choices, Interests, Family, Peers, Salary

Pengenalan

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia telah berkembang dan menwujudkan laluan kerjaya dan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran berbanding bidang akademik. Ini terbukti dengan peratusan kebolehpasaran graduan TVET menunjukkan sebanyak 88.9% (Sistem Kajian Pengesahan Graduan KPT, 2018). Pelajar lulusan TVET mempunyai ruang dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian kerana sistem pendidikan TVET memenuhi kehendak industri di samping dapat menghasilkan tenaga kerja yang produktif dan berkemahiran (Suzana dan Muhammad, 2011). Namun begitu, kebolehpasaran graduan tidak menunjukkan graduan memiliki kerjaya berdasarkan bidang pengkhususan yang telah diikuti. Menurut Lichtenstein et al., (2009) bukan semua pelajar dalam bidang kejuruteraan akan berjaya menyandang jawatan jurutera sebagai karier mereka. Hal ini menunjukkan pemilihan kerjaya bukan hanya bergantung kepada bidang pengkhususan yang dipelajari tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain yang menyebabkan graduan berarah kepada kerjaya lain. Tambahan juga, terdapat graduan yang kurang pengetahuan luas mengenai skop pengetahuan kerjaya dan mereka memilih kerjaya berdasarkan apa yang terdapat di persekitaran mereka sahaja. Sehubungan dengan itu graduan perlu membuat keputusan yang tepat dalam pemilihan kerjaya kerana kerjaya yang dipilih sedikit sebanyak akan menentukan corak peranan yang akan dimainkan oleh mereka dalam masyarakat kelak.

Dalam kajian Zaliza et al. (2014) membuktikan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara ciri-ciri pendidikan dan ciri-ciri pekerjaan terhadap kesepadan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi. Dapatan kajian tersebut juga mengaitkan kualiti seseorang graduan tidak boleh diukur hanya berdasarkan kebolehan graduan berjaya menempatkan diri dalam sektor pekerjaan, tetapi yang lebih utama ialah graduan mampu mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian yang diikuti serta kemahiran yang dimiliki. Azlina dan Zaliza (2018) dalam kajian mereka menyatakan

tahap kesedaran pelajar terhadap kerjaya dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) adalah tinggi namun belum pasti pelajar memilih bidang PTV sebagai pilihan kerjaya. Justeru itu, pemilihan kerjaya oleh pelajar bukan berdasarkan bidang pendidikan yang dimiliki semata-mata namun ia melibatkan pelbagai faktor yang lain.

Penyataan Masalah

Mahasiswa yang telah berjaya menamatkan pelajaran pastinya akan menginginkan kerjaya yang baik kerana ianya jaminan masa hadapan yang selesa dan seterusnya mempunyai pendapatan yang baik juga. Namun begitu, bukan semua mahasiswa yang memperolehi kerjaya yang diinginkan berdasarkan pendidikan dan kelulusan yang dimiliki. Masalah ini juga turut dihadapi oleh pelajar Kolej Komuniti Gerik yang mana terdapat graduan memiliki kerjaya bukan berdasarkan bidang kemahiran yang dimiliki. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat graduan yang bekerja sebagai juruwang di pasaraya sekitar Gerik walaupun memiliki Sijil Servis Kenderaan Ringan. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengetahui persepsi pelajar Kolej Komuniti Gerik terhadap faktor-faktor pemilihan kerjaya. Dalam kertas kerja ini, pengkaji telah mengadaptasi kajian Yahya dan khodijah (2010) yang mengkaji empat faktor dalam proses pemilihan kerjaya iaitu minat (faktor intrinsik atau kawalan lokus dalaman), pengaruh keluarga, rakan sebaya dan gaji (faktor ekstrinsik atau kawalan lokus luaran).

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap faktor minat dalam pemilihan kerjaya.
- ii. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap faktor keluarga dalam pemilihan kerjaya
- iii. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap faktor rakan sebaya dalam pemilihan kerjaya
- iv. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap faktor gaji dalam pemilihan kerjaya
- v. Mengenal pasti perbezaan antara jantina dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya.

Hipotesis Kajian

- i. Ho1 - Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan faktor minat yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya.
- ii. Ho 2 - Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan faktor keluarga yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya.
- iii. Ho 3 - Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan faktor rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya.
- iv. Ho 4 - Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan faktor gaji yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya

Kajian Literatur

Pekerjaan merupakan suatu aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia. Kita akan berasa puas apabila memiliki sesuatu pekerjaan yang tetap serta terjamin. Pekerjaan juga dapat memperlihatkan status masyarakat, tahap ekonomi dan pendapatan. Justeru, pemilihan kerjaya merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan seseorang insan. Hal ini kerana, kerjaya yang baik dapat memberikan jaminan masa hadapan yang selesa bagi seseorang. Oleh yang demikian, pemilihan kerjaya secara tidak langsung memerlukan faktor-faktor yang boleh mempengaruhinya agar seseorang mampu untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan dirinya. Dalam kajian Mohd Helmi, Azman, Norhidayah dan Mohammad Azrul (2016) menyatakan faktor pemilihan kerjaya berbeza dan bergantung kepada bidang

pengajian. Kajian mereka juga mendapati mahasiswa kurang dibekalkan dengan panduan dalam membuat keputusan berkaitan pemilihan kerjaya.

Faktor Minat

Faktor minat memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya seseorang individu. Melalui minat pelajar akan lebih bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Minat juga merupakan satu elemen yang penting dalam mencapai kejayaan. Melalui minat juga pelajar akan lebih bermotivasi untuk terus berjaya dan mengharungi pembelajaran seterusnya menempuh alam pekerjaan kelak. Menurut Rohana (2010), minat kerjaya, efikasi kendiri keputusan kerjaya dan kemahiran pekerjaan telah dikenal pasti ada hubungan dengan pilihan kerjaya. Pengetahuan dalam sesuatu bidang kerjaya akan membantu menambahkan minat terhadap kerjaya yang ingin diceburi. Masalah akan timbul pada masa akan datang apabila timbul faktor kurang minat terhadap sesuatu perkara dan seterusnya akan mengurangkan kualiti kerja (Syahida dan Mohd, 2018).

Individu akan berasa puas apabila berjaya membuat pilihan berdasarkan minat dan sentiasa ingin memajukan diri sendiri dalam kerjaya yang dipilih Selain itu, terdapat banyak kajian menunjukkan minat merupakan faktor penting bagi memastikan keseronokan dalam bekerja. Secara tidak langsung, ia kan meningkatkan motivasi dalam pekerjaan dan membantu menyelesaikan masalah dengan baik (Nora, Noor Aini & Khadijah,2020).

Faktor Keluarga

Seterusnya, pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa turut mampu mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang individu. Kajian oleh Norfadhilah dan Halimah (2010) mendapati pelajar memperolehi aspirasi dalam sesuatu kerjaya melalui pendidikan non formal yang diterima dari ahli keluarga sendiri sebelum mereka menyambung pelajaran di sesebuah institusi pengajian tinggi. Pendidikan non formal ini secara tidak langsung memberi semangat kepada pelajar untuk meneruskan kerjaya yang diwarisi dari keluarga. Dalam kajian Azura et.al (2014) menyatakan tidak wujud paksaan terhadap ahli keluarga dalam pemilihan kerjaya kerana hasil dapatan kajian menunjukkan faktor keluarga merupakan pemilihan terakhir dalam menentukan hala tuju kerjaya yang bakal diceburi. Namun, keluarga masih cenderung untuk memberi galakan dan pandangan terhadap kerjaya yang dipilih pelajar.

Menurut Suhaila, Nor Ayuni, Nor Suhaily dan Nuzul (2015) terdapat dua kemungkinan pemilihan kerjaya atas faktor keluarga iaitu kerja akan dilakukan dengan senang hati, gembira dan bersifat terbuka atau melakukan kerja dalam keadaan terpaksa dan kurang memberi komitmen terhadap kerja. Kajian mereka turut mendapati faktor pengaruh dari keluarga yang paling mempengaruhi kerjaya yang diceburi iaitu pada tahap sederhana berbanding faktor-faktor yang lain. Justeru, bagi menyokong pemilihan kerjaya anak-anak, ibu bapa boleh memperlengkapkan segala keperluan anak-anak dalam memenuhi kriteria yang diperlukan. Sebagai buktinya, ibu bapa boleh memberikan dorongan, semangat dan motivasi kepada anak-anak sama ada dalam bentuk material mahupun spiritual. Selain itu, Noor Izzaty, Muhamad Ariff dan Siti Fardaniah (2017) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya. Kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya. Namun pengkaji menyatakan bahawa hasil kajian ini dapat membantu ibu bapa untuk lebih memahami dan berusaha untuk memberikan keperluan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Manakala kajian Halimah (2006) mendapati faktor keluarga iaitu ibu bapa dan suami merupakan pendorong terhadap pemilihan kerjaya. Dapatkan kajian juga menunjukkan pemilihan kerjaya khususnya bagi wanita

yang telah berkahwin adalah dipengaruhi oleh suami kerana beranggapan mereka ada masa terluang bersama anak dan keluarga.

Faktor Rakan Sebaya

Faktor seterusnya dalam pemilihan kerjaya ialah faktor rakan sebaya. Terdapat individu yang mengikut rakan sebaya tanpa membuat penilaian minat, kebolehan dan pencapaian diri yang akhirnya menimbulkan masalah di kemudian hari. Namun dalam kajian Arihasnida, Nora, Siti dan Tamil (2018) mendapati faktor rakan sebaya tidak menyumbang kepada pemilihan kerjaya seseorang individu kerana pemilihan ini dibuat setelah mereka meningkat usia dan berupaya membuat pilihan sendiri.

Faktor Gaji

Ganjaran atau gaji merupakan elemen penting yang sering diberi perhatian sebelum sesuatu kerjaya dipilih. Dalam kajian Siriwan (2011) menyatakan pekerjaan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan kerja keras tidak menjanjikan gaji yang lumayan. Pekerjaan yang dilakukan adalah lebih kepada faktor minat yang mendalam terhadap bidang yang diceburi. Kajian Suhaila et.al (2015) juga mendapati kualiti kehidupan yang lebih baik bergantung kepada faktor gaji. Terdapat hubungan yang positif antara faktor yang mempengaruhi kerjaya yang diceburi dengan faktor ganjaran. Individu lebih motivasi dalam kerjaya yang dipilih apabila ditawarkan ganjaran yang tinggi sesuai dengan kelayakan yang ada.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Borang kaji selidik diadaptasi daripada Yahya dan Khodijah (2010) untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelajar Kolej Komuniti Gerik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A mengenai maklumat demografi responden dan bahagian B mengenai faktor-faktor pemilihan kerjaya. Dalam kajian ini, setiap responden dikehendaki memberikan maklumbalas mengenai faktor-faktor pemilihan kerjaya bagi 4 faktor utama iaitu minat, keluarga, rakan sebaya dan gaji. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar –pelajar semester akhir Kolej Komuniti Gerik iaitu seramai 95 orang pelajar. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan seramai 75 orang telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Namun begitu, hanya 68 responden menjawab soal selidik tersebut. Terdapat 3 program yang terlibat dalam kajian ini iaitu Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Teknologi Maklumat. Kajian Maklumbalas responden dianalisa menggunakan program “Statistical Package for Scocial Science” (SPSS) 23. Analisis statistik dijalankan ke atas data bagi mengenalpasti perbezaan jantina dengan setiap faktor dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya. Di samping itu juga pengkaji telah membuat pemeringkatan mengikut skor min sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dengan menggunakan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Wiersma (1995). Ini bertujuan untuk memudahkan pertimbangan yang dibuat mengikut skor min yang diperolehi.

Jadual 1: Tafsiran Tahap Min

| Tahap Keberkesanan | Sela Min |
|--------------------|-----------|
| Tinggi | 3.81-5.00 |
| Sederhana | 2.41-3.80 |
| Rendah | 1.00-2.40 |

Sumber: Wiersma, 1995

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Dapatan kajian mengenai latarbelakang responden meliputi aspek jantina, umur dan program pengajian. Berdasarkan jadual 2, jantina responden menunjukkan jumlah bilangan responden perempuan seramai 50 orang dan lelaki seramai 18 orang sahaja. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 68 orang.

Jadual 2: Jantina Responden

| Jantina | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Perempuan | 50 | 73.5 |
| Lelaki | 18 | 26.5 |
| Jumlah | 68 | 100.0 |

Berdasarkan jadual 3, majoriti responden berumur antara 18 – 19 tahun iaitu 45 orang (66.2%) diikuti dengan 18 orang (26.5%) responden berumur antara 20 – 21 dan 3 orang responden berumur 22 – 23 tahun. Manakala seorang responden berumur 24 -25 tahun dan lebih 27 tahun.

Jadual 3: Umur Responden

| Umur | Kekerapan | Peratus |
|----------------|-----------|---------|
| 18 - 19 tahun | 45 | 66.2 |
| 20 - 21 tahun | 18 | 26.5 |
| 22 - 23 tahun | 3 | 4.4 |
| 24 - 25 tahun | 1 | 1.5 |
| lebih 27 tahun | 1 | 1.5 |
| Jumlah | 68 | 100.0 |

Jadual 4: Program Pengajian

| Program Pengajian | Kekerapan | Peratus |
|-------------------------------|-----------|---------|
| Sijil Teknologi | 34 | 50.0 |
| Maklumat | | |
| Sijil Fesyen dan Pakaian | 24 | 35.3 |
| Sijil Servis Kenderaan Ringan | 10 | 14.7 |
| Jumlah | 68 | 100.0 |

Merujuk kepada program pengajian, jadual 4 menunjukkan majoriti responden terdiri daripada pelajar Sijil Teknologi Maklumat iaitu 34 orang (50%), ini diikuti dengan 24 orang (35.3) pelajar dari Sijil Fesyen dan Pakaian dan hanya 10 orang (14.7) pelajar Sijil Servis Kenderaan Ringan yang dipilih menjadi responden.

Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya

Hasil analisis bagi semua faktor pemilihan kerjaya menunjukkan faktor keluarga mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.391, faktor ini boleh dikatakan sebagai faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya. Faktor kedua ialah faktor minat dengan nilai min 4.274, ini diikuti oleh faktor rakan sebaya 3.894 dan minimum kesannya ke atas pemilihan kerjaya ialah faktor gaji iaitu 3.821.

Jadual 5: Tahap Min Keseluruhan Bagi Faktor Pemilihan Kerjaya

| Faktor | N | Minimum | Maximum | Mean | Std. Deviation |
|--------------|----|---------|---------|--------|----------------|
| Minat | 68 | 1.60 | 5.00 | 4.2735 | .49463 |
| Keluarga | 68 | 2.00 | 5.00 | 4.3912 | .49286 |
| Rakan sebaya | 68 | 1.80 | 5.00 | 3.8941 | .71693 |
| Gaji | 68 | 1.00 | 5.00 | 3.8206 | .68340 |

Berdasarkan Jadual 6, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor pemilihan kerjaya iaitu faktor minat ($t=0.818$, $p>0.05$), faktor keluarga ($t=0.868$, $p>0.05$), faktor rakan sebaya ($t=1.673$, $p>0.05$) dan faktor gaji ($t=0.331$, $p>0.05$). Oleh itu, semua hipotesis nul diterima. Faktor minat responden lelaki ($\text{min}=4.3556$) adalah sama dengan faktor minat responden perempuan ($\text{min}=4.2440$). Faktor keluarga lelaki ($\text{min}=4.4778$) adalah sama dengan faktor keluarga responden perempuan($\text{min}=4.3600$). Faktor rakan sebaya responden lelaki ($\text{min}=4.1333$) adalah sama dengan faktor rakan sebaya responde perempuan ($\text{min}=3.8080$) dan faktor gaji lelaki ($\text{min}=3.8667$) adalah sama dengan faktor gaji perempuan ($\text{min}=3.8040$)

Jadual 6: Perbezaan Jantina Dengan Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya

| Jantina | N | Mean | Std. Deviation | Nilai-t | p |
|-------------------|-----------|--------|----------------|---------|-------|
| mean_minat | Lelaki | 4.3556 | .42596 | 0.818 | 0.416 |
| | Perempuan | 4.2440 | .51791 | | |
| mean_keluarga | Lelaki | 4.4778 | .42365 | 0.868 | 0.389 |
| | Perempuan | 4.3600 | .51587 | | |
| mean_rakan_sebaya | Lelaki | 4.1333 | .59804 | 1.673 | 0.099 |
| | Perempuan | 3.8080 | .74171 | | |
| mean_gaji | Lelaki | 3.8667 | .88650 | 0.331 | 0.741 |
| | Perempuan | 3.8040 | .60405 | | |

Perbincangan

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Kolej Komuniti Gerik dalam pemilihan kerjaya. Secara amnya, kajian ini memfokuskan kepada empat faktor iaitu minat, keluarga, rakan sebaya dan gaji. Faktor-faktor ini dilihat penting kerana pelajar-pelajar masih dalam pengajian dan perlu menentukan hala tuju selepas ini. Dapatan kajian yang diperolehi akan memberikan panduan yang penting kepada unit-unit yang terlibat di Kolej Komuniti Gerik berkenaan harapan pelajar terhadap alam pekerjaan yang bakal ditempuh selepas tamat kelak. Berdasarkan dapatan kajian, faktor keluarga menunjukkan nilai min tertinggi bagi pemilihan kerjaya. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Nur Syaheera dan Nurul Fatiha (2017) di mana kajian mereka mendapati semua bentuk pengaruh daripada keluarga memberi kesan kepada pelajar seperti nasihat, usul yang dicadangkan dan pendedahan kerjaya. Faktor keluarga merupakan faktor paling dominan dalam pemilihan kerjaya di kalangan responden. Namun begitu, dapatan ini tidak selari dengan kajian lepas sebagaimana yang dijalankan oleh Noor Izzaty et al. (2017) yang mendapati pemilihan kerjaya tidak dipengaruhi oleh ibu bapa dengan dapatan skor berada pada tahap yang rendah. Kajian oleh Yahya dan Khotijah (2010) juga mendapati faktor minat merupakan faktor tertinggi bagi pemilihan kerjaya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pelajar Kolej Komuniti Gerik cenderung memilih sesuatu kerjaya berdasarkan pendapat dan dorongan keluarga khususnya ibu bapa mereka. Walaupun di peringkat sijil, pelajar kolej komuniti mempercayai faktor keluarga akan dapat membantu dan membimbing mereka untuk menentukan hala tuju dalam kerjaya pada masa akan datang.

Selain itu, faktor minat juga dilihat menyumbang kepada faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Gerik dengan skor min yang tinggi. Dengan adanya minat, proses pembelajaran lebih mudah dikuasai oleh pelajar dan berupaya merancang hala tuju seperti menyambung pengajian di peringkat diploma dan ijazah seterusnya memperolehi kerjaya dalam bidang yang sama. Kajian lepas oleh Nursyafiqah, Mohd dan Abu (2018) mendapati pengetahuan tentang minat kerjaya dan personaliti dalam diri pelajar adalah penting bagi membantu mereka memilih kerja yang bersesuaian. Justeru itu, faktor minat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Gerik merupakan keinginan yang ada dalam diri mereka yang boleh dijadikan sebagai sumber motivasi untuk berjaya dalam proses mencapai kejayaan yang mereka inginkan khususnya apabila memasuki alam perkerjaan kelak. Sekiranya pelajar dapat menentukan minat mereka daripada awal, sudah pasti minat berkenaan akan dapat membantu pelajar untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran di kolej dan bidang kerjaya yang bakal ditempuhi.

Faktor rakan sebaya dan gaji turut mendapat skor min yang tinggi tetapi tidak dominan berbanding faktor keluarga dan minat. Namun kajian lepas oleh Maziah (2005) mendapati kriteria terpenting dalam pemilihan kerjaya adalah faedah perkhidmatan, jaminan kerja, persekitaran kerja dan faedah kewangan. Kajian oleh Mohd Helmi et al. (2016) juga mendapati faktor ganjaran yang lebih banyak adalah satu perkara yang dilihat oleh pelajar UKM dalam memilih kerjaya bertepatan dengan ijazah yang diperolehi. Secara kesimpulannya, faktor rakan sebaya dan gaji tidak dominan di kalangan pelajar peringkat sijil Kolej Komuniti mungkin kerana kerjaya yang bakal dipilih hanya sebagai batu loncatan semata-mata untuk mendapatkan pengalaman sebelum mendapat kerja lain yang bergaji lumayan. Kebanyakkhan pelajar Kolej Komuniti boleh bekerja sendiri apabila tamat pengajian sekiranya menggunakan kemahiran yang dipelajari sebaik mungkin.

Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan antara jantina dengan faktor minat, keluarga, rakan sebaya dan gaji. Kajian ini jelas menunjukkan wujudnya peluang yang sama rata untuk pelajar lelaki dan perempuan dalam meningkatkan kesedaran dalam pemilihan kerjaya. Peluang yang diberikan adalah dalam semua bidang yang diceburi dan di dalam program-program kerjaya yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Gerik. Sebagai contoh, tiada syarat-syarat terhadap pengkhususan jantina yang ditetapkan untuk permohonan sesuatu bidang atau kursus. Selain itu, negara kita memberikan peluang sama rata di dalam bidang kerjaya antara lelaki dan perempuan. Justeru, pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kehendak individu dilihat lebih penting bagi menjamin kualiti dan kredebiliti individu tersebut dalam kerjayanya. Apabila responden berminat ia secara tidak langsung menjadikan mereka lebih berusaha untuk memotivasi diri. Di samping itu, faktor-faktor pendorong dalam pemilihan kerjaya boleh dijadikan motivasi untuk mencapai kerjaya yang diimpikan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian lepas oleh Lai dan Kalaiselvi (2018) yang menyatakan bahawa tidak wujud hubungan antara jantina dan pemilihan sektor pekerjaan. Jantina tidak memainkan peranan penting dalam menentukan sektor kerjaya yang diminati oleh pelajar. Berbeza dengan dapatan kajian oleh Mohd Helmi et.al (2016) yang mendapati faktor pemilihan kerjaya di kalangan jantina menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding pemilihan berdasarkan aspek bangsa. Separuh daripada faktor-faktor dinilai secara berbeza di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UKM. Oleh itu, kajian ini jelas menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan Kolej Komuniti Gerik memilih keempat-empat faktor sebagai panduan dalam memilih kerjaya yang bakal diceburi. Selain memerlukan dorongan dan motivasi berterusan dalam membuat keputusan, pelajar dilihat berupaya untuk menentukan hala tuju yang betul dengan memilih kerjaya bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran yang mereka perolehi.

Kesimpulan Dan Cadangan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan terdapat 4 faktor utama pemilihan kerjaya dalam persepsi pelajar Kolej Komuniti Gerik iaitu keluarga, minat, rakan sebaya dan gaji di mana skor min yang diperolehi berada pada tahap tinggi. Faktor keluarga memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar memilih kerjaya yang sesuai. Oleh itu, keluarga perlu memberi galakan dan pandangan terhadap kerjaya yang dipilih pelajar. Selain itu, faktor minat, rakan sebaya dan gaji juga penting kepada pelajar kerana ianya perlu bagi mengelakkan kesilapan memilih kerjaya diluar bidang yang hanya akan merosakkan minat sendiri sekaligus tidak akan bertahan lama di alam pekerjaan itu nanti. Walaupun berada di peringkat sijil, pelajar boleh menjana gaji yang lumayan atas usaha dan niat masing-masing dengan syarat mengambil kira semua faktor tersebut sebagai panduan dalam memilih kerjaya. Oleh itu, kajian hadapan dicadangkan dengan menggunakan sampel yang lebih besar dengan melibatkan beberapa kolej yang terdapat di negeri Perak.

Rujukan

- Arihasnida Ariffin, Nora Sakila Abdul Manan, Siti Nur Kamariah Rubani, Norhasyimah Hamzah & Tamil Selvan Subramaniam (2018). Persepsi Pelajar Wanita Memilih Kursus Binaan Bangunan Di FPTV Dari Aspek Dorongan Keluarga Dan Rakan Sebaya. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM
- Azlina Paijan & Zaliza Hanapi. (2018). Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam Dalam Bidang Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (18), 11-17

- Azura Ishak, Masura Rahmat, Shahrina Shahrani, Noor Faridatul Ainun Zainal & Rohizah Abd Rahman (2014). Keselarasan Personaliti dengan Pemilihan Program Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. *Jurnal Teknologi* 68:1(2014) 49-55.
- Halimah Harun (2006). Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan* 31 (2006) 83 – 96
- Lai Wei Seing & Kalaiselvi Karunamurthi (2018). Pilihan Sektor Pekerjaan Dan Faktor Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalia Pelajar* 21(2): 5-11
- Lichtenstein Gary, Heidi Loshbaugh, Brittany Claar, Helen Chen, Kristyn Jackson, and Sherri Sheppard (2009). “An Engineering Degree Does Not (Necessarily) an Engineer Make: Career Decision Making Among Undergraduate Engineering Majors.” *Journal of Engineering of Engineering Education* 98 (3): 227–234
- Maziah Che Yusoff (2005). Kajian Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Siswazah. *Jurnal Pengurusan Awam*, Jilid 4 Bilangan 1.
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman & Mohammad Azrul Tajuddin (2016). Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Panduan untuk Industri. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2)(2016): 9 – 15
- Nora Sawal, Nor Aini Kasuni & Khadijah Alavi (2020). Kesediaan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kerja Sosial. *Jurnal Wacana Sarjana* Vol.4(5):1-9.
- Noor Izzaty Ibrahim, Muhammad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz (2017). Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Universiti. Special Issue 3 (2017): 003 ISSN: 1823-884x. *Journal of Science and Humanities*.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010): 11-17.
- Nursyafiqah Norazhar, Mohd Fahridzakki Abd Rahman & Abu Yazid Abu Bakar (2018). Minat Kerjaya dan Tret Personaliti dalam kalangan Murid. Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)|eISBN978-967-2122-54-8.
- Nur Syaheera Atandan & Nurul Fatiha Asmadi (2017). Wanita Dan Kerjaya: Kajian Terhadap Mahasiswa Islam Fakulti Pengurusan Dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)* | eISBN: 978-967-2122-17-3.
- Rohana Abdul Rahim (2010). Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employabiliti dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. *Thesis Dr. Fal.* Universiti Putra Malaysia
- Sistem Kajian Pengesahan Graduan KPT, 2018 (Mei,2020) Retrieve from:
<https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/infografik-kebolehpasaran-graduan-tahun-2018>
- Siriwan Ghuangpeng (2011). Factors Influencing Career Decision-Making: A Comparative Study of Thai and Australian Tourism and Hospitality Students. The School of International Business. Faculty of Business and Law Victoria University, Melbourne
- Suhaila Nadzri, Nor Ayuni Rosli, Nor Suhaily Bakar, & Nuzul Akhtar Baharudin (2015). Faktor Keluarga, Ganjaran, Dan Kesukaran Memperolehi Pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya Yang Diceburi Alumni Kuis. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015* (2ndICoMM) 16th – 17th November 2015, e-ISBN: 978-967-0850-25-2

- Suzana, Muhammad (2011). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pembangunan Sumber Manusia Dalam Era Globalisasi: Isu dan Cabaran*. Bangi. UKM Yahya Emat. 2005.
- Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Selangor: IBS Buku Sdn Bhd.
- Syahida Sidek & Mohd Hazwan Mohd Puad (2018). Eksplorasi Minat Dan Faktor Dalam Pemilihan Kerjaya Pertanian Dalam Kalangan Belia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 7-8 November 2018
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. 6th. ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Yahya Bin Buntat & Khodijah Binti Hassan. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun 2 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Retrieve from: <http://eprints.utm.my/id/eprint/11378/1/Faktor2.pdf>
- Zaliza Hanapi, Mohd Safarin Nordin, Roslan Che' Rus, Abu Bakar Mamat, Mohd Nazri Raji & Khairul Anuar Hasnan (2014). Penentuan Kesepadan Bidang Pekerjaan-Pekerjaan Dalam Kalangan Graduan di Kolej Komuniti. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*